

15/10/2003

Deklarasi Putrajaya berbeza

PUTRAJAYA: Deklarasi Putrajaya yang dikeluarkan pada hari terakhir Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-10 di sini, berbeza dengan deklarasi sidang kemuncak sebelum ini kerana ia disusuli pelan tindakan bagi mencapai matlamat persidangan kali ini.

Pelan tindakan itu menggariskan langkah yang perlu dilaksanakan negara anggota bagi menyubur dan mengukuhkan OIC, sekali gus membolehkan ia menjadi badan berwibawa sebagai suara negara Islam.

Deklarasi itu juga bertujuan merapatkan pertalian negara anggota, meningkatkan kerjasama pelbagai bidang seperti ekonomi, perdagangan, sains dan teknologi, teknologi maklumat serta penggunaan dinar emas.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata sidang kemuncak ke-10 juga akan merangka resolusi berasingan mengenai isu Palestin, Syria, Lubnan dan Baitulmaqdis.

Bagaimanapun, tiada resolusi berasingan dirangka bagi isu Iraq, kecuali kenyataan berhubung konflik di negara itu.

Sementara itu, pada mesyuarat peringkat Menteri, Sierra Leone mencadangkan OIC memberi surat penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sumbangan beliau kepada pembangunan umat Islam dunia dan Malaysia.

Syed Hamid yang mempengerusikan mesyuarat itu, berkata semua negara anggota OIC sebulat suara menerima cadangan berkenaan dan persiapan akan dibuat bagi acara penganugerahan berkenaan.

Dalam sidang media pada hari keempat persidangan, Syed Hamid menegaskan OIC tidak meminggirkan Iraq walaupun ia diwakili Majlis Pentadbiran, yang dilantik Amerika Syarikat.

"Kita memberi peluang kepada wakil negara berkenaan mengemukakan pandangan dan masalah mereka kerana Iraq tetap negara anggota. Kita tidak pernah menghalang mereka untuk bersuara," katanya.

Mengenai penggunaan dinar emas, Syed Hamid berkata, ia bukan untuk menggantikan mana-mana mata wang sedia ada, sebaliknya pilihan untuk berdagang.

Beliau berkata, penggunaannya bergantung kepada persetujuan dua hala di kalangan negara terbabit sebagai imbalan bayaran perdagangan.

"Masih banyak negara yang mahu mengkaji penggunaan dinar emas ini. Oleh itu, kita akan adakan percubaan terlebih dulu dan perbincangan dengan negara terbabit sebelum ia diterima dalam urusan perdagangan," katanya.

Terdahulu, ketika berucap sebelum menutup mesyuarat peringkat persediaan Menteri Luar, Syed Hamid berkata, mesyuarat berlangsung dalam suasana baik dengan semua wakil membincangkan pelbagai isu dan masalah yang dihadapi ummah secara terbuka dan jujur.

"Kejayaan ini dicapai kerana ada kesefahaman dan kerjasama yang diberikan semua wakil. Menteri Luar juga bersetuju supaya sesi interaktif dan percambahan fikiran dijadikan acara tetap dalam mesyuarat peringkat menteri pada masa depan," katanya.

Beliau juga berterima kasih kepada semua negara dan pihak yang menjayakan mesyuarat itu.

Agenda yang dipersetujui itu akan dibawa dan dibahaskan pada mesyuarat peringkat Ketua Negara OIC Khamis dan Jumaat ini.